

Malaysia mahu ambil semula ruang udara selatan Johor

Putrajaya: Malaysia berhasrat mengambil semula ruang udara di sebelah selatan Johor yang diletakkan di bawah jagaan Singapura sejak 1974.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia berhasrat supaya ia dapat dilaksanakan dalam tempoh masa antara akhir 2019 sehingga 2023.

Ketika ini, katanya, ruang udara itu diletakkan di bawah pengurusan Singapura melalui Surat Perjanjian Operasi di antara Kuala Lumpur dan Pusat Kawalan Kawasan Singapura Mengenai Ketibaan, Keberangkatan dan Penerbangan Singapura 1974 (OLOA 1974).

Beliau berkata, ketika OLOA 1974 ditan-datangani, Kawasan Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur (FIR) masih pada peringkat awal dan fasiliti Malaysia ketika itu tidak mencukupi.

"Berikutan itu, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) mengesyorkan penjagaan ruang udara itu diwakilkan kepada Singapura," katanya pada sidang media bersama rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong sempena Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Ke-9, di sini semalam.

Teroka inisiatif baharu

Dr Mahathir berkata, kedua-dua negara komited menangani isu itu dan terus meneroka inisiatif baharu bagi menyelesaikannya, termasuk penambahbaikan infrastruktur, mengkaji dasar dan peraturan antara sempadan.

Katanya, atas semangat kerjasama dua hala, Menteri Pengangkutan kedua-dua negara mencapai pemahaman mengenai isu-isu ruang udara tertentu dan mengeluarkan kenyataan bersama.

Kelmarin, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata, Malaysia sudah cukup bersedia untuk mengendalikan ruang udara di selatan Johor susulan persetujuan Singapura menarik balik pelaksanaan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) bagi Lapangan Terbang Seletar.

Loke dilaporkan berkata, sekarang masa terbaik mengambil alih semula ruang udara kawasan berkenaan selepas 45 tahun diwakilkan kepada Singapura bagi tujuan penyediaan kawalan trafik udara sejak 1974.

Projek HSR, RTS Link

Dr Mahathir yang turut mengulas projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), berkata ada manfaat ekonomi yang signifikan untuk meningkatkan pengangkutan awam antara dua negara, namun projek berkenaan perlu dilaksanakan secara mampan.

"Adalah menjadi keutamaan Kerajaan Malaysia mengurangkan hutang negara dan memastikan projek dilaksanakan berdaya maju serta dapat menjana pulangan. Atas sebab itu, kedua-dua pihak pada 5 September 2018 bersetuju menangguhkan projek HSR sehingga 31 Mei 2020," katanya.

Berhubung projek Sistem Transit Rapid (RTS Link) yang menghubungkan Johor Bahru-Singapura, Perdana Menteri berkata, Singapura sanggup mempertimbangkan penggantungan projek berkenaan.